PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN

Kedudukan kewangan sistem perbankan kukuh dan berdaya tahan pada suku pertama 2006 dalam keadaan permodalan dan keuntungan yang kukuh serta peningkatan dalam kualiti aset. Ini telah mengukuhkan lagi kedudukan sistem perbankan untuk menyalurkan pembiayaan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Permodalan dikekalkan pada tahap yang kukuh

Tahap permodalan berterusan utuh meskipun mencatat penurunan. Nisbah modal yang lebih rendah disebabkan sebahagian besarnya oleh pembayaran dividen dan pengembangan aktiviti pemberian pinjaman. Pada akhir Mac 2006, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) masing-masing terus berada pada tahap melebihi 13% dan 10%.

Sistem perbankan: Kedudukan Modal

	2005				2006
	S1	S2	S3	S4	S1
Modal					
CCR (%)	10.9	10.8	10.7	10.7	10.0
RWCR (%)	13.8	13.6	13.5	13.6	13.1

Keuntungan berterusan kukuh

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM3.2 bilion pada suku pertama 2006, iaitu penurunan sebanyak RM0.3 bilion, yang disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan daripada perolehan dividen yang lebih tinggi pada suku terakhir 2005. Walau bagaimanapun, paras keuntungan adalah lebih tinggi sebanyak 12.3% berbanding dengan suku yang sama tahun 2005. Ini dicapai hasil daripada pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi yang lebih tinggi berjumlah RM0.6 bilion, serta pendapatan bersih yang lebih tinggi daripada aktiviti perdagangan sebanyak RM0.1 bilion. Peningkatan ini lebih daripada mengimbangi perbelanjaan operasi yang lebih tinggi (+RM0.4 bilion atau+9.3%) dan kutipan balik pinjaman yang lebih rendah (-RM0.1 bilion atau -9.6%). Hasilnya, pulangan atas aset purata tidak berubah pada 1.3% manakala pulangan atas ekuiti purata menunjukkan peningkatan kepada 16.8% (S1 2005: masing-masing 1.3% dan 14.9%).

Trend NPL menurun berterusan

Kualiti aset sistem perbankan terus meningkat pada suku pertama dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun sebanyak 0.7% kepada RM24.4 bilion. Peningkatan itu disebabkan terutamanya oleh pengelasan semula NPL kepada status berbayar (+24.4), kutipan balik pinjaman (+17.4%) dan hapus kira (+15.3%). Hasilnya, nisbah NPL bersih menurun ke paras terendah sebanyak 4.5% sejak krisis kewangan Asia (S4 2005: 4.6%). Di samping itu, NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan mencatat penurunan sebanyak 0.7% kepada RM31 bilion atau 5.7% daripada jumlah pinjaman bersih (S4 2005: 5.8%). NPL bagi sektor PKS mencatat pertambahan sebanyak RM0.4 bilion untuk mencakupi 10.4% daripada pinjaman PKS disebabkan terutamanya oleh penerimapakaian definisi PKS yang lebih luas[1] (seperti yang disahkan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan) oleh beberapa institusi perbankan. Sementara itu, NPL bagi sektor isi rumah masih pada 7.4% daripada jumlah pinjaman isi rumah.

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



[1] Definisi PKS berbeza mengikut sektor ekonomi dan mempunyai liputan yang lebih luas berikutan langkah mendefinisikan semula kriteria kelayakan sama ada bilangan pekerja sepenuh masa atau pusing ganti jualan tahunan.